

TARIKH	ISNIN, 7 OKTOBER 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	UPM DEDAH MURID DENGAN ILMU NANOSAINS
M/S	21
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	NANOSCIENCE, UPM



Sekitar Program Kem Nanosains 2.0 yang dianjurkan oleh UPM bagi mendidik pelajar dalam penyelidikan dan aplikasi nanosains, baru-baru ini. (Foto ihsan UPM)

UPM dedah murid dengan ilmu nanosains

Program dianjurkan bagi memupuk minat generasi muda terhadap STEM

Oleh Ameesya Aghniya Ab Rahim
bhpendidikan@bh.com.my

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Institut Nanosains dan Nanoteknologi (ION2) baru-baru ini menganjurkan Program Kem Nanosains

2.0 bagi mendidik pelajar dalam penyelidikan dan aplikasi nanosains.

Susulan itu, seramai 49 orang pelajar Tingkatan Empat dan Lima dari sekolah sekitar negeri Selangor berpeluang berinteraksi dengan pakar berkaitan aplikasi nanosains yang terdapat dalam persekitaran masa.

Berpeluang bina jaringan

Pengarah ION2, Profesor Ir Dr Suraya Abdul Rashid berkata, program ini menyokong penyelidikan dalam bidang sains untuk memastikan generasi masa kini berkemahiran tinggi dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk pem-

angunan negara.

“Peserta turut berpeluang membina jaringan dengan pakar dan institusi dalam bidang sains disamping mendidik pelajar untuk menjadi pemimpin dalam bidang sains dan teknologi di masa hadapan.

“Ini juga merupakan inisiatif universiti awam untuk menyumbang kepada pembinaan modal insan yang berkualiti tinggi,” katanya.

Program berkenaan turut mendapat kerjasama dengan Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC) dan dirasmikan oleh Pemangku Pengarah, Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC), (MOSTI), Mohd Helme Mohd Helan.

DISEDIAKAN
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM